

<b>Headline</b>	<b>Syarikat optimis kembali untung tahun ini</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>06 Mar 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Page No</b>	<b>45</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>200 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 15,631</b>		



## Syarikat optimis kembali untung tahun ini

KUALA LUMPUR - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) menasarkan untuk kembali mencatat keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, didorong oleh susut nilai lebih rendah serta urjuran pasaran yang lebih baik.

Pengarah Urusannya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, prestasi dana pelaburan strategik negara itu pada 2018 telah dijelaskan beberapa perkembangan membatikan aspek ekonomi dan sosial di dalam negara dan di peringkat global.

"Pada masa sama, kerajaan turut menyentik nafas baharu terhadap Khazanah yang membabitkan perubahan besar, termasuk mandat baharu.

"Penyusunan semula organisasi yang sedang dilalui ini akan membolehkan kami melaksanakan peranan bagi mengembangkan kekayaan jangka panjang Malaysia bermula tahun ini," katanya kepada pemberita ketika mengumumkan Ulasan



**KHAZANAH  
NASIONAL**

Tahunan Khazanah 2019 di sini semalam.

Menurut Shahril Ridza, portfolio Khazanah juga terus dipengaruhi oleh perkembangan domestik pada 2018 berikutkan perubahan pengawalseliaan, urjuran yang lebih suram serta turun naik pasaran.

Prestasi pasaran syarikat-syarikat utama yang dilabur oleh Khazanah turut susut pada 2018 termasuk Axiai (-26.9 peratus), Telekom Malaysia Bhd. (-56.9 peratus), Tenaga Nasional Bhd. (-7.9 peratus), IHH Healthcare (-7.6 peratus), CIMB (-9.3 peratus) dan Malaysia Airports Holdings Bhd. (-3.3 peratus).

"Tahun lepas merupakan tempoh sukar bagi pasaran global, tidak hanya di Malaysia.

"Semuanya berakhir dalam prestasi negatif pada 2018. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk ketegungan politik di peringkat global," katanya.

Sementara itu, Shahril me-

maklumkan pihaknya masih belum menerima sebarang tawaran daripada pembeli prospektif untuk membeli pegangan-nya dalam Legoland Malaysia, taman tema yang dimilikinya di Johor.

Beliau juga berkata, Legoland Malaysia mencapai kejayaan besar dengan pendapatian yang positif.

Laporan berita menyatakan bahawa taman tema tersebut dijangka bernilai kira-kira RM1 billion, termasuk hutang - Bernama